

Sepakat kembalikan keamanan

BH - 22/6/07

Malaysia, Thailand tingkat usaha tangani jenayah rentasi sempadan, keganasan antarabangsa

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Thailand semalam ber-setuju agar pihak berkuasa kedua-dua negara meningkatkan penyelarasan dan kerjasama rapat sedia terjalin serta memperhebatkan usaha mengembalikan keamanan di kawasan bergolak di selatan Thailand.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ia termasuk melalui pertukaran maklumat semasa, mesyuarat dua hala berjadual serta meneruskan pengawasan dan kawalan di sepanjang sempadan.

"Mesyuarat mengambil perhatian berat terhadap keadaan terkini di selatan Thailand yang mempunyai kesan secara langsung terhadap kegiatan sosial dan ekonomi di kawasan sempadan," katanya membacakan kenyataan bersama pada akhir

" Mesyuarat bertujuan tingkatkan kerjasama bagi wujudkan keamanan, kestabilan dan keselamatan di sempadan "

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia-Thailand ke-47 di sini, semalam dalam sidang media bersama dengan Menteri Pertahanan Thailand, Jeneral Boonrawd Somtas, di sini.

Mesyuarat GBC itu dipengerusikan bersama Najib yang juga Menteri Pertahanan dengan Boonrawd. Selain Najib, Malaysia diwakili 19 anggota delegasi termasuk Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan.

Najib berkata, mesyuarat itu bertujuan meningkatkan kerjasama bagi mewujudkan keamanan, kestabilan dan keselamatan di sepanjang kawasan sempadan bersama dengan menangani masalah bersama serta memajukan perkara kepentingan bersama.

Ditanya sama ada pergolakan di selatan Thailand menjejaskan keselamatan di Kelantan yang bersempadan dengan Thailand, beliau berkata, ia tidak menjejaskan negeri pantai Timur itu kerana kedudukannya jauh daripada kawasan bergolak.

Katanya, Malaysia mempunyai keyakinan terhadap keupayaan Thailand mencari penyelesaian damai.

Sementara itu, Najib dalam ucapan pembukaan mesyuarat itu, berkata agensi penguat kuasa kedua-dua negara perlu berkongsi dan bertukar maklumat secara lebih tersusun untuk menangani cabaran yang bukan lagi bersifat tradisional.

"Kita kini berdepan konflik yang dikaitkan dengan agama dan kaum. Pada masa lalu dan sekarang ini, kita



TINGKAT KERJASAMA: Najib bertukar dokumen perjanjian dengan Boonrawd pada Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia-Thailand ke-47, di Kuala Lumpur, semalam.

memberi fokus menangani ancaman yang berpunca daripada pengedaran dadah dan senjata api serta pergerakan haram manusia dari satu tempat ke tempat lain," katanya.

Katanya, kedua-dua negara mesti komited ke arah meningkatkan kerjasama antara agensi penguat kuasa khususnya dalam membanteras jenayah merentasi sempadan dan keganasan antarabangsa yang bukan saja menjejaskan imej tetapi mengugut keselamatan dan pembangu-

nan ekonomi di sepanjang kawasan sempadan.

Najib berkata, kerajaan Malaysia bersimpati dengan rakyat Thailand berhubung keganasan di selatan negara itu, tetapi Kuala Lumpur berpegang kepada prinsip tidak campurtangan dalam urusan negara jiran kerana itu adalah masalah dalaman negara itu.

Katanya, komitmen bantuan Malaysia disampaikan kepada kerajaan Thailand oleh Perdana Menteri, Da-

tuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika lawatannya ke Phuket, April lalu.

Sementara itu, Boonrawd pada sidang media berkata, kerajaan Thailand sedang berusaha melaksanakan langkah baru untuk menangani masalah itu menggunakan pendekatan supaya pihak yang bersengketa berunding.

Mesyuarat GBC Malaysia-Thailand ke-48 akan diadakan di Thailand, Jun tahun depan.